



FOKUS

Kurangkan kerentan

Oleh Ruhaiza Rusmin
ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Biarpun dunia penyelidikan negara memasuki fasa baru terutama kemampuan memberi persaingan terhadap hasil penyelidikan luar, masih ada dilema dihadapi penyelidik tempatan.

Antaranya, bagaimana mahu mengkomersialkan hasil penyelidikan itu ke tahap mampu diterima pasaran serta mempunyai nilai manfaat sejagat selain penghasilan penyelidikan berimpak dan berprestasi tinggi.

Pada masa sama, isu kekangan dan kesukaran memperoleh geran pembinaan serta kerentan birokrasi pihak tertentu tidak pernah selesai sehingga merencangkan usaha penyelidik menyumbangkan idea.

Hakikatnya, usaha memartabatkan dunia penyelidikan tempatan antara sasaran utama yang giat diperkasakan bagi menjadikannya aset kebanggaan negara.

Justeru, di manakah silapnya hasil penyelidikan tempatan sukar menemui busi pasarannya komersial?

Apakah hasil penyelidikan tempatan masih boleh dipersoalkan atau dikategorikan penyelidikan tidak berprestasi tinggi?

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Putra Malaysia

"Perlu saham apakah definisi negara maju. Untuk mencapai taraf itu, penyelidikan antara kunci utama"

Dr Mohd Saleh



PENYELIDIK tempatan yang kebanyakannya terdiri daripada generasi muda sudah tentu mempunyai banyak idea untuk diketengahkan. - Gambar hiasan

Penyelidik 'patah hati' untuk teruskan usaha serta membuat kajian sambil lewa hingga merugikan negara



sia (UPM), Prof Datuk Ir Dr Mohd Saleh Jaafar berkata, penyelidikan dan inovasi negara mampu pergi jauh jika mendapat sokongan padu pelbagai pihak serta mengurangkan kerentan birokrasi.

Beliau berkata, kedua-dua faktor itu bukan saja mampu merencangkan masa depan dunia penyelidikan dan inovasi negara, malah memberi tekanan kepada usaha penyelidik yang mahu menghasilkan ciptaan.

"Penyelidikan dan

inovasi antara nadi kepada pembangunan jangka panjang negara yang perlu diberi perhatian khusus kerana impaknya besar kepada masyarakat.

"Namun, kerentan dan pelbagai birokrasi yang terpaksa dihadapi penyelidik menyebabkan ada di antara mereka 'patah hati' dan enggan meneruskan penyelidikan atau membuatnya sambil lewa.

"Ini me-

rugikan negara dan penyelidikan kerana menyebabkan kurangnya penciptaan hasil produk baru yang mungkin bermanfaat untuk masyarakat dan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara membangun dan mengejar status negara tinggi, penyelidikan antara satu cabang atau mekanisme yang perlu diberi perhatian serius.

"Kita tidak boleh terus



KERJASAMA bersama industri amat penting bagi memastikan hasil penyelidikan mampu dikomersial dan dipasarkan. - Gambar hiasan

HASIL yang dicetuskan daripada idea penyelidik tempatan sudah membuktikan ia mampu mengagumkan dunia. - Gambar hiasan